KONFLIK PERANG DI SYRIA

# Turki dakwa Al-Bab sudah hampir ditawan

BERITA HARIAN 23/2/17 m/s 39

**SOHR nafi, jelaskan cuma 25 peratus dikuasai tentera sekutu**

**Intanbul**

Tentera Turki, semalam memberi bayangan kubu militan Daesh di Al-Bab di Syria mampu ditawan selepas berkata cuma 100 militan Daesh masih berbaki di situ.

Menteri Pertahanan, Fikri Isik berkata separuh daripada bandar itu kini berada di bawah kawalan askar Turki serta pemberontak bersekutu dengan pro-Ankara di Syria selepas kerajaan berulang kali menyebut kubu lawan sudah hampir menjadi milik mereka.

"Kami anggarkan ada kurang daripada 100 pejuang Daesh yang masih berbaki di Al-Bab," kata Isik.

"Namun, mereka adalah orang yang berbahaya. Mereka terdiri daripada penembak tepat dan ada antara mereka itu pengebom nekad berpotensi. Lebih separuh daripada bandar ini adalah bawah kawalan kami."

**Operasi kepung berakhir**

Dua turut memberi gambaran bahawa operasi mengepung Al-Bab sudah berakhir dan tentera Turki dan sekutu mereka kini sudah bergerak dari daerah ke daerah untuk kerja membebaskan bandar itu daripada cengkaman militan.

"Sehingga kerja mengusir keluar militan lengkap adalah mustahil untuk menyebut tugasan kami sudah berakhir," katanya.

Namun, pengumuman itu dinafikan Ketua Kumpulan Pemantau Hak Asasi Syria (SOHR), Rami Abdel Rahman yang memberi statistik berbeza apabila menyebut tentera Turki dan sekutu cuma menguasai 25 peratus bandar Al-Bab dan menambah masih ada kira-kira 700 militan Daesh berjuang di sana.

Beliau juga menuduh tentera kerajaan Ankara membunuh lebih 124 orang awam dalam tempoh dua minggu akibat serangan udara dan bedilan. Ia dinafikan Turki.

AFP

**Info**

**Perang Al-Bab**

- **Pertempuran** itu menyaksikan 69 askar Turki terbunuh.
- **Ankara nafi bunuh** penduduk awam kerana tentera amat berhati-hati elak nyawa tidak bersalah.



## Soyuz-U bawa pesawat kargo berlepas ke ISS

**Roket Soyuz-U yang dipasang pesawat kargo angkasa lepas Prog**
pelancaran di Cosmodrome Baikonur di Kazakhstan, semalam. Kapal ang
kira-kira 2,267 kilogram kargo ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Per
tahun lalu, gagal apabila roket itu pecah enam minit selepas dilancarkan.